



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : SEJARAH SENI DAN SENIBINA TIMUR**  
**KOD KURSUS : DRD1103**  
**PEPERIKSAAN : JUN 2022**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (10 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **11** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Ciri gaya kuil Hindu dalam seni bina India yang terdapat di Malaysia ialah
  - A Saiz megah dengan ukiran sangat terperinci.
  - B Ketinggian struktur bermula daripada ketinggian pintu masuk.
  - C Menara lebih minimalis dengan jumlah arca patung yang sedikit.
  - D Di bahagian utara dan barat benua India kemudian berkembang di asia.
  
2. Manakah antara berikut merupakan ciri-ciri *Podium* dalam seni bina China.
  - i. bahan utama ialah batu dan tanah.
  - ii. menjadi elemen hiasan pada bumbung.
  - iii. ketinggian berubah mengikut pangkat bangunan.
  - iv. struktur kerangka kayu bagi bangunan tradisional china
  - A i, ii
  - B i, iii
  - C i,ii,iii
  - D i, iii,iv

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Diperbuat daripada kayu buluh</li><li>• Digunakan untuk menutup tingkap bagi menghalang cahaya matahari</li></ul> |
|---|

Soalan 3 berdasarkan kenyataan A

3. Kenyataan A ini merujuk kepada
  - A Shoji.
  - B Sudare.
  - C Fusuma.
  - D Chabudai.

4. Antara struktur penting dalam seni bina Masjid adalah

- i. Mihrab.
- ii. Mimbar.
- iii. Menara.
- iv. Arabesque.

- A i, ii  
B i, iii  
C i,ii,iii  
D i, ii,iv

5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang seni bina Rumah Utara Thai.

- A Bumbung yang berbilang tingkat.  
B Penggunaan warna-warna terang.  
C Kedudukan lantai lebih rendah ketanah.  
D Bumbung yang condong ke bahagian luar.




Soalan 6 berdasarkan **Gambarajah A**

6. Nama bangunan dalam gambarajah A diinspirasi daripada perkataan

- A Raja.  
B Ratu.  
C Mitologis.  
D Mistisisme.

7. Ruang mencuci pinggan mangkuk dalam seni bina rumah tradisional Melayu terletak di
- A Anjung.
  - B Selasar.
  - C Pelantar.
  - D Rumah Ibu.



Soalan 8 berdasarkan **Carta 1**.

8. Berdasarkan carta 1, bahagian 'Z' mewakili
- A Vihara.
  - B Stupas.
  - C Garbhagriya.
  - D Ardhamandapa.
9. Berikut merupakan ciri istana maharaja dalam seni bina China.
- A Bentuk bulat atau octagonal.
  - B Genting bumbung bewarna kuning digunakan.
  - C Tempat menyimpan artikel dan dokumen penting.
  - D Simbol agama Buddha yang biasanya dibina di dalam kompleks kuil.

10. Manakah antara berikut merupakan rumah tradisional seni bina Indonesia

i



ii



iii



iv



- A i, ii
- B i, iv
- C ii, iii
- D ii, iv

[10 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT(4)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

a. Berdasarkan pengetahuan anda dalam seni bina Jepun

- i. Nyatakan **tiga (3)** ciri umum yang terdapat dalam majoriti binaan tradisi seni bina Jepun.

(3 markah)

- ii. Apakah yang dimaksudkan dengan Nijinguchi dan jelaskan fungsinya dalam seni bina Rumah Teh.

(3 markah)

b. Senaraikan **tiga (3)** jenis gaya bumbung yang digunakan dalam senibina Jepun dan lakarkan jawapan anda dalam bentuk jadual seperti yang telah disediakan.

i.	ii.	iii.
Lakaran:	Lakaran:	Lakaran:

(9 markah)

## SOALAN 2

Kuil Hindu merupakan salah satu contoh bangunan dalam seni bina India yang masyhur.

a. Berdasarkan pengetahuan anda tentang seni bina India.

i. Berikan **tiga (3)** daripada enam elemen asas dalam sesebuah Kuil Hindu.  
(3 markah)

ii. Terangkan secara ringkas fungsi setiap struktur tersebut.

(6 markah)

b. Terangkan secara ringkas **tiga (3)** perbezaan dua gaya utama Kuil hindu Purba dalam seni bina India berdasarkan jadual di bawah.

	Nagara	Dravida
i.		
ii.		
iii.		

(6 markah)

**SOALAN 3**

- a. Berdasarkan pengetahuan anda tentang seni bina Islam.
- i. Berikan **tiga (3)** elemen hiasan terpenting dalam reka bentuk sesebuah masjid.  
(3 markah)
  - ii. Terangkan secara ringkas setiap elemen tersebut.  
(6 markah)
- b. Seni bina Islam disesuaikan dengan budaya setempat dan faktor geografi seperti bentuk muka bumi, dan keadaan cuaca. Buktikan pernyataan tersebut.  
(6 markah)

**SOALAN 4**

- a. Berdasarkan pengetahuan anda dalam seni bina China
- i. Nyatakan **tiga (3)** ciri umum yang terdapat dalam binaan Istana Maharaja  
(3 markah)
  - ii. Apakah yang dimaksudkan dengan sistem modular dan jelaskan aplikasinya dalam seni bina China  
(6 markah)
- b. Namakan **satu (1)** jenis haiwan yang biasa digunakan dalam seni bina Istana Maharaja dan lakarkan aplikasinya pada bahagian Istana Maharaja tersebut.

Nama :

Lakaran :

(6 markah)

**[60 MARKAH]**



**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

Soalan 1 berdasarkan **Gambarajah B**

a. Gambarajah B merupakan salah satu seni bina Malaysia.

i. Namakan **tiga (3)** daripada empat unsur rekaan utama binaan seni bina **gambarajah B**

(3 markah)

ii. Terangkan fungsi unsur-unsur di (a)(i)

(6 markah)

b. Berdasarkan kreativiti anda, lakarkan corak elemen yang digunakan pada salir angin pada perabot harian pilihan anda.

(6 markah)

## SOALAN 2

a. Berdasarkan pengetahuan anda tentang seni bina Thailand.

i. Apakah nama gelaran bagi negara Thai?

(1 markah)

ii. Berikan definisi perkataan *Siam* secara literal.

(2 markah)

iii. Nyatakan **empat (4)** ciri umum Rumah Tradisional Thailand

(4 markah)

b. Nama dan lakarkan **dua (2)** bahagian wat yang mempunyai loceng.

Nama :	(1 markah)	Nama:	(1 markah)
Lakaran :		Lakaran :	
	(3 markah)		(3 markah)

**SOALAN 3**

Berdasarkan pengetahuan anda tentang seni dan seni bina Indonesia, lakar dan terangkan secara ringkas ciri-ciri binaan seni bina berikut:

- i. Rumah Bolon
- ii. Rumah Adat Suku Asmat (Jew)
- iii. Pura Bali

(15 markah)

**[30 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**